

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 4 DISEMBER 2013 (RABU)**

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|------------|---|----------------|
| 1. | Dewan rakyat lulus rang undang-undang perbekalan 2014 bagi perbelanjaan pembangunan | MStar Online |
| 2. | 'Hujan untuk setengah bulan turun dalam sehari' | KOSMO |
| 3. | Banjir diramal di Utara Terengganu dan Kelantan | KOSMO |
| 4. | Banjir di Pahang semakin buruk | Sinar Harian |
| 5. | Orange alert issued in some areas | The Star |
| 6. | Efforts in place | The Malay Mail |
| 7. | Lindungi laman web | Harian Metro |

**KERATAN AKHBAR
MSTAR ONLINE
TARIKH : 4 DISEMBER 2013 (RABU)**



Dewan Rakyat Lulus Rang Undang-Undang Perbekalan 2014 Bagi Perbelanjaan Pembangunan

KUALA LUMPUR: Persidangan Dewan Rakyat pada Selasa meluluskan Rang Undang-Undang Perbekalan 2014 bagi tujuan perbelanjaan pembangunan selepas dibahaskan sejak 14 Nov lepas.

Rang undang-undang itu diluluskan selepas dibacakan buat kali ketiga oleh Timbalan Menteri Kewangan Datuk Ahmad Maslan.

Rang Undang-undang memperuntuk RM46.5 bilion sebagai perbelanjaan pembangunan kepada dua jabatan dan 22 kementerian termasuk Kementerian Kewangan, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar serta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi**, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Kementerian Wilayah Persekutuan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan.

Turut menerima peruntukan itu ialah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri.

Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Perkhidmatan Awam juga antara yang menerima peruntukan itu.

Persidangan Dewan Rakyat bersambung pada Rabu.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 02
TARIKH: 04 DISEMBER 2013 (RABU)

'Hujan untuk setengah bulan turun dalam sehari'



KAMPUS Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah Kuantan dinaiki air sedalam satu meter semalam. Gambar kecil, Adnan Yaakob.

KUANTAN - Hujan luar biasa dengan sukatan mencecah 400 mililiter dalam tempoh 24 jam menjadi faktor utama menyebabkan berlaku bencana banjir di Pahang.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob memberitahu, beliau difahamkan oleh pegawai Jabatan Meteorologi bahawa jumlah hujan itu kebiasaannya dicatat bagi tempoh 15 hari.

Menurutnya, hujan lebat yang berterusan selama tiga hari bermula 1 Disember hingga lewat petang semalam mengakibatkan banjir melanda hampir keseluruhan daerah Kuantan dan empat daerah lain iaitu Pekan, Maran, Rompin dan Jerantut.

"Kita kawatir hujan lebat berterusan akan bertembung dengan fenomena air pasang besar yang diramal mencecah hingga 4.5 meter malam ini (malam semalam).

"Jika fenomena cuaca ini berlaku, kita

akan menghadapi masalah lebih besar," katanya pada sidang akhbar selepas memengerusikan Mesyuarat Khas Pengurusan Bencana Banjir di Yayasan Pahang semalam.

Tambah Adnan, kerajaan negeri kini giat menghulurkan bantuan untuk meringankan beban mangsa banjir.

"Kita menghadapi sedikit masalah pada peringkat awal dalam menguruskan bantuan sehingga banyak rungutan dan aduan diterima daripada penduduk.

"Kita akui masalah berlaku pada peringkat awal tetapi hasil kerjasama semua agensi yang terlibat, segala kelemahan itu dapat diatasi dengan baik," katanya.

Dalam pada itu, beliau meminta orang ramai tidak mudah terpengaruh dengan khabar angin kononnya air dari Empangan Kobat dekat Indera Mahkota dilepaskan sehingga boleh mengakibatkan banjir lebih buruk.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 02
TARIKH: 04 DISEMBER 2013 (RABU)

Banjir diramal di utara Terengganu dan Kelantan

KUALA LUMPUR - Banjir buruk di kawasan Pantai Timur bakal merebak ke utara Terengganu dan Kelantan berikutan hujan yang dijangka

bergerak ke kawasan utara Pantai Timur.

Menurut **Jabatan Meteorologi**, hujan sekejap-sekejap dan kadangkala sederhana di-

jangka melanda utara Terengganu dan Kelantan hari ini.

Setakat semalam, banjir sudah dilaporkan berlaku di Dungun dan Kuala Terengganu.

Jabatan Meteorologi dalam portalnya www.met.gov.my turut mengeluarkan amaran hujan lebat peringkat jingga yang boleh menyebabkan banjir.

Banjir di Pahang semakin buruk Lebih 7,000 mangsa dipindahkan di lima daerah



KUANTAN - Banjir di Pahang semakin buruk apabila lebih 7,000 mangsa dipindahkan di pusat pemindahan banjir di lima daerah, semalam.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, jumlah keluarga yang dipindahkan di negeri ini sebanyak 1,952 membabitkan seramai 7,702 mangsa yang dipindahkan.

Rompin mencatatkan mangsa paling, ramai iaitu 863 keluarga dengan jumlah mangsa keseluruhan 3,395 orang.

Penduduk di Permatang Badak memindahkan motosikal yang hampir tenggelam dalam banjir, semalam.

"Sebanyak 711 keluarga dengan jumlah keseluruhan mangsa 2,791 terlibat di Kuantan dan kesemua mereka ditempatkan di 29 pusat pemindahan di daerah ini," katanya.

Adnan berkata, sebanyak tujuh pusat pemindahan dibuka di Maran dengan 261 keluarga terlibat dengan jumlah mangsa 1,124 orang, Pekan 105 keluarga dipindahkan ke pusat pemindahan manakala Jerantut satu pusat pemindahan dibuka menempatkan 12 keluarga terdiri daripada 62 mangsa.

Sementara itu di Pekan, Ketua Polis Daerah, Superintendan Yahaya Othman berkata, seramai 923 penduduk daripada 105 buah keluarga sekitar daerah

dipindahkan di lapan buah pusat pemindahan yang disediakan.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kuantan, Asisten Komisioner Mohd Jasmani Yusoff berkata, berdasarkan laporan Jabatan Meteorologi Malaysia, kadar taburan hujan dalam tempoh 24 jam kelmarin mencecah 280 mililiter sedangkan jumlah itu selalunya dicatatkan untuk tempoh 48 jam.

"Jumlah hujan yang tinggi itu menyebabkan berlaku banjir di sekitar daerah ini," katanya.

Dalam pada itu keadaan banjir dijangka bertambah buruk berikutan hujan lebat berterusan sejak dua hari lepas.

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 1 & 10
TARIKH : 4 DISEMBER 2013 (RABU)



Orange alert

Flood water inundates parts of Kuantan town following a downpour over the past two days. The Meteorological Department has issued an orange alert warning to parts of Pahang and Terengganu. See reports on Page 10 - NIK NAIZI HUSIN / The Star

Orange alert issued in some areas

Level 2 warning in parts of Pahang and Terengganu will be lifted if situation improves

By LOH FOON FONG
foonfong@thestar.com.my

PETALING JAYA: An orange alert warning has been issued by the Meteorological Department to parts of Pahang and Terengganu.

Its National Weather Forecast Centre director Muhammad Helmi Abdullah said the Level 2 orange warning, issued for Kuantan, Pekan and Rompin (in Pahang) and for Dungun and Kemaman (Terengganu) on Monday, could be lifted if the situation improved.

The yellow warning status indicates weather alert and to make people aware of the situation to take preventive action.

The orange status implies that those in affected areas should prepare themselves to take action in the event of worsening condition.

The red status alert means severe weather warning and people need to take action to protect themselves - this could mean moving families out of the danger zone temporarily.

The department issued its heavy rain advisory orange warning on Monday, saying that intermittent

and moderate rain would persist until yesterday and this would cause floods in low-lying areas.

Helmi said floods were the result of heavy rains made worse by high tide.

He said the northeastern monsoon started in November and would end in the third week of March next year but the wettest season would be from November to February.

The monsoon started to hit Kelantan and Terengganu last month and would hit the western and middle parts of Sarawak, from Kuching to Bintulu, later this month, he said.

The monsoon would then hit the eastern parts of Sabah - Sandakan and Kudat - in January, he said.

He said the public could call the department's central number 03-7967 8116 or the numbers listed for each state on its website.



Water everywhere: Motorists braving the flash floods in Kuantan during a downpour.

KERATAN AKHBAR
THE MALAY MAIL (NATION) : MUKA SURAT 1
TARIKH : 4 DISEMBER 2013 (RABU)

IN FLOODING WATERS: The Sungai Charu Bridge at Km28 Jalan Sungai Lembing in Kuantan was flooded later, rainless air



KUALA LUMPUR

Efforts in place

Authorities swing into action as floods hit three states

HEAVY rain over the past few days saw various authorities mobilising massive flood relief efforts.

Taking the cue from the monster Typhoon Haiyan that battered the Philippines and brought to fore severe shortcomings in rescue and aid missions, the relevant agencies here showed they were well-prepared.

The National Security Council was had sent early assistance and supplies to flood-prone areas, said Communications and Multimedia Minister Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

Bernama reported that the Information Department was also directed to deploy its personnel to the affected areas to ensure victims were well-informed on the flood situation in their areas.

A 17-year-old youth drowned in Kampung Padang Kubu, Kijal in Terengganu on Monday, while a child is missing, also in Kijal.

More than 100 relief centres have been set up in the three states.

The number of flood victims in Johor, Pahang and Tereng-

ganu has escalated with more than 11,281 people from 2,663 families relocated to relief centres.

The National Security Council said the number of evacuees in four districts in Johor was 5,552 as of yesterday evening.

In Pahang, 5,393 people from Kuantan, Maran, Pekan and Rompin were forced to leave their homes as the floods worsened.

Terengganu has the lowest number of evacuees so far at 803, with floods inundating Dungun, Hulu Terengganu and Kemaman.

Mersing recorded the highest number of evacuees in Johor with 4,247 leaving their homes, while in Rompin, Pahang, 2,595 people were evacuated.

The Meteorological Department said intermittent rain in Pahang (Jerantut and Maran) and Terengganu (Besut, Setiu, Kuala Terengganu, Marang and Hulu Terengganu) was expected to continue today.

In Kelantan (Tumpat, Kota Baru, Pasir Mas, Tanah Merah, Machang, Pasir Puteh and Bachok), Kedah (Sik, Baling

and Padang Terap) and Perak (Hulu Perak), intermittent rain was expected to continue until tomorrow.

Evacuation efforts were swift as the various departments and agencies involved had been preparing in anticipation of the year-end rainy season which often results in massive flooding.

Pahang began making preparations for the floods that were predicted to hit the state at the end of last month.

Pahang state secretary Datuk Seri Muhammad Safian Ismail

had said 79 relief centres had been identified. Food supplies worth RM1.2 million were also placed at 73 bases on Nov 18.

He also said 6,000 personnel from 14 departments and agencies would be directly involved in helping out flood victims.


It was reported that 4,208 pregnant women in flood-prone areas in Pahang were also identified to assist them should they give birth when the floods hit.

Johor was also better prepared to handle the situation.

The police, Fire and Rescue Department as well as the Civil Defence Department along with volunteers had been preparing in advance.

The Fire and Rescue Department in Kemaman had conducted flood rescue training exercises with 33 officers from three fire departments in Chukai, Kemaman and Cheneh Baru taking part.

The officers were also trained on how to handle rescue boats as well as other training modules related to rescue work during floods.



VALUABLE EGGS: A Sungai Lembing resident carries several cartons of eggs as many others carry food and other basic necessities while crossing the Sungai Charu bridge in Kuantan to higher ground



HELPING HAND: Friends and relatives help Ahmad Fazley Abdullah (back, left) push his car in Kampung Razali in Kuantan



IN SAFE ARMS: Youths from Kampung calling Kuantan, carry 64-year-old Hindon Bakayas through floodwaters in the village zone on Monday night

Lindungi laman web



CHANG

Perniagaan di Malaysia dina-sihatkan untuk mengukuhkan keselamatan laman web mereka atau menghadapi ancaman pencerobohan oleh penjenayah siber yang menyebabkan gangguan operasi sehingga mencetuskan kerugian pendapatan dan produktiviti.

Naib Presiden Serantau Fortinet Asia Tenggara dan Hong Kong Datuk Seri George Chang berkata, laman web syarikat adalah satu cara penting untuk memasarkan barangan dan perkhidmatan mereka yang turut mencerminkan imej organisasi.

"Jenayah siber adalah jenayah yang paling pesat berkembang pada hari ini dan perniagaan perlu bertindak segera untuk memastikan mereka dilindungi.

"Laman web dan aplikasi web adalah sasaran mudah kepada penggoda kerana terdedah kepada umum dan Internet," katanya.

Menurutnya, penggoda laman web dibahagikan kepada beberapa kategori termasuk kekurangan laman

web, kecurian maklumat dan penafian perkhidmatan.

"Sebarang aktiviti berbahaya bukan sahaja akan membawa kepada kehilangan reputasi dan kepercayaan, malah ia membabitkan kos tinggi apabila maklumat sulit pelanggan seperti nombor kad kredit dicuri," kata Chang.

Sejak akhir-akhir ini terdapat peningkatan dalam jumlah serangan laman web yang disasarkan di rantau ini.

Pada Jun lalu, laman web syarikat perubatan tradisional Cina di Singapura, Eu Yan Sang diserang penggoda.

Manakala pada tahun lalu, penggoda menyerang dan menyekat akses kepada laman web pengeluar nadir bumi Lynas Corp sebagai sebahagian daripada kempen menentang pembukaan kilang pemrosesan syarikat itu di Malaysia.

Walaupun keselamatan rangkaian agak mudah namun menentukan dasar keselamatan untuk membolehkan trafik tertentu kepada dan dari rangkaian atau pelayan yang berbeza sedikit rumit.

"Mewujudkan dasar yang berbeza secara manual untuk setiap barang pasti mustahil dan jelas tidak terukur.

"Selain itu, aplikasi web sering berubah dengan URL baru dan parameter yang ditambah sehingga sukar untuk pentadbir keselamatan untuk mengemaskini dasar keselamatan mereka," katanya.